

Tekanan Perkataan Arab Sebagai Bahasa Asing dalam Kalangan Penutur Melayu

Kaseh Abu-bakar

kaseh@ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia

Muhammad Faiz Abdullah

ibnu_abdullah79@yahoo.com

Kementerian Pendidikan Malaysia

ABSTRAK

Tekanan (*al-nabr*) adalah sejenis fitur fonologi suprasegmental ataupun prosodik. Ia merupakan ciri atau sifat bunyi yang menindih sesuatu fonem. Kajian tentang penguasaan tekanan perkataan Arab oleh mereka yang bukan penutur jati masih sedikit. Kajian ini menganalisis tekanan perkataan empat suku kata dalam kalangan bukan penutur jati bahasa Arab, dan seterusnya membandingkannya dengan aturan yang dikemukakan oleh sarjana linguistik bahasa Arab. Peserta kajian terdiri daripada lima orang pelajar tahun akhir Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Sebanyak tiga perkataan jenis empat suku kata dari setiap pola perkataan \KVK\KV\KVV\KV\, \KVK\KV\KVK\KVK\, \KVK\KV\KV\KV\, \KVK\KV\KVV\KVK\, \KV\KVV\KV\KVK\ dan \KVK\KV\KV\KVK\ telah dipilih sebagai instrumen kajian. Rakaman audio ini dianalisis menggunakan perisian Praat, bagi memperolehi bacaan nilai intensiti (dB) untuk mengenal pasti tekanan. Data kekerapan tekanan sesuatu suku kata untuk setiap pola perkataan yang dikaji dilaporkan dalam bentuk peratusan. Hasil kajian mendapati peserta kajian cenderung memperlihatkan tekanan utama pada suku kata kedua pada pola perkataan \KV\KVV\KV\KVK\, \KVK\KV\KV\KVK\ dan \KVK\KV\KV\KV\, manakala pada suku kata ketiga pada pola perkataan \KVK\KV\KVK\KVK\. Walau bagaimanapun kecenderungan kedudukan tekanan utama bagi pola perkataan \KV\KVV\KV\KVK\ dan \KVK\KV\KVV\KV\ sukar untuk dikenal pasti. Berdasarkan analisis tekanan utama yang diperolehi, peserta kajian didapati dapat menguasai aturan tekanan utama yang dikemukakan oleh sarjana linguistik bahasa Arab dengan mudah pada pola perkataan \KV\KVV\KV\KVK\, \KVK\KV\KV\KVK\, \KVK\KV\KV\KV\ dan \KVK\KV\KVK\KVK\, namun sukar untuk menguasai tekanan utama pada baki dua lagi pola perkataan. Justeru, tumpuan terhadap aspek tekanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab perlu lebih dititik beratkan dan penyelidikan berkaitannya juga perlu diperluaskan dengan melibatkan bilangan peserta yang lebih besar agar gambaran yang lebih jelas dapat diperolehi.

Kata kunci: Bahasa Arab; fonetik; fonologi; tekanan perkataan; penguasaan bahasa

Word Stress of Arabic as a Foreign Language Amongst Malay Speakers

ABSTRACT

Stress (*al-nabr*) is a type of suprasegmental or prosodic phonological feature. It is one of the characteristics or attributes of sound that overlaps certain phonemes. Studies investigating the acquisition of Arabic word stress among non-natives are scarce. Therefore, this study is aimed at observing the stressed pronunciation phenomenon of four-syllable words among non-native speakers of Arabic, and further compare this particular phenomenon with the

rules proposed by Arabic linguistic scholars. The subjects were five final year undergraduate students of the Department of Arabic Studies and Islamic Civilisation, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Six four-syllable word patterns \CVC\CV\CVV\CV\, \CVC\CV\CVC\CVC\, \CVC\CV\CV\CV\, \CVC\CV\CVV\CVC\, \CV\CVV\CV\KVK\ and \CVC\CV\CV\CVC\ were chosen as the stimuli. Three words were chosen to represent each word pattern; hence altogether a total of 18 words were tested. These audio recordings were analysed using the Praat software to obtain the readings of intensity value (dB), thus identifying the stress. The stress frequency data for each word pattern are reported in the form of percentages. The research outcome shows that the participants tended to give a primary stress on the antepenultimate syllable of each of the \CV\CVV\CV\CVC\, \CVC\CV\CV\CVC\ and \CVC\CV\CV\CV\ word patterns, and on the penultimate syllable of the word pattern \CVC\CV\CVC\CVC\. The tendency of the primary stress for the \CV\CVV\CV\CVC\ and \CVC\CV\CVV\CV\ word patterns is difficult to identify. Based on the analysis of the primary stress, the participants easily conformed to the rules of the main stress as suggested by Arabic linguists for the \CV\CVV\CV\CVC\, \CVC\CV\CV\CVC\, \CVC\CV\CV\CV\ and \CVC\CV\CVC\CVC\ word patterns, but the same cannot be said for the remaining two words patterns. Therefore, focusing on aspects of word stress in teaching and learning Arabic needs to be further emphasized. Future research could also include a larger population of participants in order to obtain better insights.

Keywords: *Arabic language; phonetics; phonology; word stress; language acquisition*

PENGENALAN

Tekanan dalam bahasa Arab disebut sebagai *al-nabr*. *Al-nabr* dari segi bahasa bermaksud kelihatan jelas dan nyata. Dari segi istilah fonologi Arab, al-Khuli (2000) mendefinisikannya sebagai kekuatan lafaz yang diberikan kepada setiap suku kata dalam sesuatu perkataan. Tekanan membawa kepada bertambahnya kekuatan dan meningkatnya nada suara serta terjadinya kepanjangan suara yang membawa kepada kejelasan terhadap sesuatu suara dan suku kata jika dibandingkan dengan suara-suara dan suku kata-suku kata lain yang bersama dengannya (Nur al-Din, 1992; Bishr, 2000). Tekanan merupakan salah satu daripada ciri suprasegmental ataupun prosodik dalam sesuatu sistem bahasa. Suprasegmental ialah ciri atau sifat bunyi yang menindih atau menumpang sesuatu fonem.

Menurut al-Shayib (2004) pemikiran tentang tekanan tidak diketahui oleh para ahli tatabahasa Arab dan penetapan kedudukannya dalam perkataan Arab adalah sesuatu yang kabur sehinggalah sarjana orientalis German iaitu Kiristen dan Erpenius mengambil inisiatif melakukan kajian berkaitannya pada awal kurun ke-17. Usaha mereka berdua ini menjadi pencetus kepada perbincangan dalam kalangan para sarjana tentang penerimaan dan penafian tentang kewujudan unsur tekanan ini dalam bahasa Arab. Antara sarjana yang menolak kewujudannya dalam bahasa Arab ialah orientalis Perancis, Henry Fleisch (Fleisch, H. 1966). Bergstraser yang merupakan orientalis German turut mempunyai pandangan yang selari dengan Fleisch (Abd al-Tawwab 1997). Namun pandangan mereka ini ditolak oleh Karl Brockmann dan beberapa pengkaji linguistik Arab lain seperti Abd al-Tawwab (1997), Abd al-Jalil (2012) dan al-Khalifi (1999).

Menurut Bishr (2000), bahasa Arab termasuk dalam kategori bahasa yang mempunyai tekanan bersifat tetap (*fixed stress*). Kategori bahasa dalam kumpulan ini mempunyai panduan khusus dalam menentukan kedudukan tekanan dalam sesuatu perkataan. Kedudukan tekanan pada sesuatu suku kata adalah berdasarkan binaan sesuatu perkataan dari segi kandungan dan susunan suku kata yang terdapat padanya. Kebiasaannya kedudukan tekanannya boleh dikenal pasti dengan jelas. Antara bahasa lain yang tergolong dalam

kategori ini ialah seperti bahasa Finland, Poland dan Perancis. Bahasa Finland memberikan tekanan pada suku kata pertama, manakala bahasa Poland dan Perancis kebiasaannya meletakkan tekanan pada suku kata akhir bagi setiap perkataan (Umar 1997). Namun tekanan dalam bahasa Arab tidak memberi perubahan makna perkataan, seperti mana yang berlaku dalam bahasa Inggeris. Pandangan berkaitan kewujudan tekanan bahasa Arab ini serta sifatnya yang bersifat tetap ini dikukuhkan dengan hasil dapatan kajian yang dijalankan melalui pemprosesan digital seperti yang dijalankan oleh de Jong dan Zawaydeh (1999, 2002), al-Rajeh (2011) dan Adam (2013) baik dalam dialek Arab, bahasa Arab standard mahupun bacaan al-Quran.

PERNYATAAN MASALAH

Antara perkara yang ditekankan dalam pembelajaran dan pengajaran sistem bunyi bahasa Arab dalam kalangan para pelajar di sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia adalah kemampuan pelajar untuk menyebut perkataan dengan membezakan antara bunyi-bunyi huruf dan memelihara kesempurnaan tekanan suara (*al-nabr*) serta intonasi suara selaras dengan aturan fonetik dan fonologi bahasa Arab (KPM 1996).

Kajian yang dilakukan oleh Zawawi Ismail (2007) terhadap 286 orang pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dalam aspek tekanan, berdasarkan 14 ayat yang diberikan dalam ujian pertuturan telah mendapati seramai 122 (42.7%) orang berada di tahap lemah, 116 orang (40.6%) di tahap sederhana, 42 orang (14.7%) di tahap baik dan hanya 6 orang (2.17%) di tahap cemerlang. Namun penilaian yang dibuat tidak menggunakan pemprosesan suara secara analisis digital. Justeru, hasil kajian yang diperolehi masih belum kukuh untuk diperbahaskan.

Penggunaan metode pemprosesan suara secara analisis digital dapat membuktikan bahawa kehadiran tekanan yang sukar untuk dibuktikan suatu masa dahulu, kini boleh diukur dan dianalisis datanya secara kuantitatif (de Jong & Zawaydeh, 1999, 2002). Namun didapati kajian-kajian yang menggunakan metode ini kebanyakannya melibatkan kumpulan penutur jati bahasa Arab, seperti kajian de Jong dan Zawaydeh (1999, 2002) yang melibatkan tekanan dalam dialek Jordan, Adam (2013) yang mengkaji tekanan dalam bacaan al-Quran dan al-Rajeh (2011) yang menjalankan kajian tekanan terhadap beberapa perkataan bahasa Arab standard. Hasil dapatan kajian yang dilakukan de Jong dan Zawaydeh (1999, 2002) dan al-Rajeh (2011) mendapati kedudukan tekanan utama yang diperlihatkan oleh kesemua peserta kajian bagi perkataan-perkataan yang diuji adalah sama. Walau bagaimanapun, dapatan kajian Adam (2013) terhadap bacaan al-Quran secara bertajwid mendapati terdapat perbezaan tekanan utama perkataan antara peserta kajiannya pada 27 daripada 68 perkataan yang dianalisisnya. Namun menurut beliau, ini adalah berpunca dari faktor semula jadi qari dalam kaedah pernafasannya yang dipengaruhi oleh hukum tajwid dan juga perkataan sebelum dan selepasnya.

Roshidah (2015) yang menjalankan kajian fonetik dan fonologi bahasa asing terhadap bukan penutur jati dalam kalangan penutur Melayu, dengan memberi fokus kepada penguasaan bunyi vokal oleh penutur Melayu terhadap bahasa Perancis, mendapati bahawa peserta kajian tidak menghadapi masalah bagi mendiskriminasi beberapa vokal bahasa sasaran walaupun vokal berkenaan tidak wujud dalam bahasa Melayu. Namun demikian, kajian tersebut mendapati faktor bahasa ibunda dan sistem bahasa sasaran itu sendiri turut menyumbang kepada kegagalan peserta kajian untuk menyebut beberapa bunyi vokal bahasa sasaran dengan tepat. Liu et al. (2014) pula membuat perbandingan antara aspek durasi penuturan bunyi vokal bahasa Inggeris penutur jati dan bukan jati bahasa Inggeris dalam kalangan penutur bahasa Cina dan Korea. Beliau mendapati tiada perbezaan yang ditunjukkan oleh kedua-dua kumpulan yang dikaji.

Kajian Nazratul Aini et al. (2016) didapati lebih hampir dengan kajian yang ingin dijalankan oleh pengkaji kerana ia menggunakan instrumen perkataan bahasa Arab standard dan melibatkan peserta kajian dalam kalangan penutur jati Melayu. Kajian tersebut, yang bertujuan meninjau penguasaan pelajar Melayu terhadap tekanan suara menyebut perkataan Arab dari sudut intensiti menggunakan perisian Praat, dijalankan ke atas 12 orang pelajar menggunakan instrumen tiga perkataan dari jenis kata kerja bagi setiap tiga pola perkataan \KV\KV\KV\, \KVK\KVK\KVK\ dan \KVK\KV\KVK\. Hasil kajian tersebut mendapati peserta kajian cenderung memperlihatkan tekanan utama pada suku kata pertama pertama bagi pola perkataan \KV\KV\KV\ dan \KVK\KVK\KVK\, masing-masing dengan 58.33% dan 47.22%. Bagi pola perkataan \KVK\KV\KVK\ pula, sebanyak 47.22% memperlihatkan tekanan utama pada suku kata kedua perkataan.

Justeru, kajian terhadap aspek tekanan perkataan Arab dalam kalangan penutur Melayu perlu dilakukan dengan lebih meluas, agar penguasaannya dalam kalangan mereka boleh dikenal pasti dengan tepat melalui analisis digital yang dijalankan. Selain itu, kekuatan dan kelemahan yang ada pada penguasaan aspek tekanan ini, dapat menyumbang ke arah penambahbaikan pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab khususnya dalam aspek sistem suara (*al-nidham al-sawtyy*) dalam kalangan penutur Melayu di negara ini.

OBJEKTIF KAJIAN

- 1) Menganalisis tekanan perkataan empat suku kata dalam kalangan bukan penutur jati bahasa Arab.
- 2) Membandingkan hasil dapatan tekanan utama perkataan dalam kalangan bukan penutur jati bahasa Arab dengan aturan yang dikemukakan oleh sarjana linguistik bahasa Arab.

METODOLOGI KAJIAN

Berdasarkan bilangan peserta kajian dan bilangan perkataan kajian terdahulu (al-Rajeh, 2011; de Jong & Zawaydeh, 2002, 1999; Soumi & Ylitalo, 2004; Gordon & Nafi, 2012), kajian ini dijalankan ke atas lima orang pelajar lelaki berumur lingkungan 22 hingga 23 tahun yang menuntut di tahun akhir Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam UKM. Kesemuanya berbangsa Melayu, dilahirkan dan mendapatkan pendidikan formal sepenuhnya di Malaysia serta menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama pembelajaran dan penuturan harian mereka.

Struktur perkataan bahasa Arab terdiri daripada 1 hingga 7 suku kata. Walau bagaimanapun, perkataan Arab tidak berimbuhan kebiasaannya terdiri tidak lebih daripada 4 suku kata kecuali dalam beberapa keadaan yang sangat jarang terjadi (Qaddur, 1996). Kajian-kajian yang lalu telah menggunakan perkataan 1 hingga 4 suku kata dalam kajian mereka. Sebagai contoh, de Jong dan Zawaydeh (1999) menggunakan perkataan 4 suku kata untuk dialek Arab. Al-Rajeh (2011) pula memilih 2 hingga 4 suku kata untuk perkataan Arab standard dalam kajiannya. Pemilihan perkataan dengan bilangan suku kata yang lebih besar dalam kajian yang lalu dilihat bertujuan mengkaji perubahan tekanan utama yang berlaku seiring perubahan struktur suku kata bagi sesuatu perkataan. Justeru itu, enam pola perkataan empat suku kata berbentuk tunggal iaitu \KVK\KV\KVV\KV\, \KVK\KV\KVK\KVK\, \KVK\KV\KV\KV\, \KVK\KV\KVV\KVK\, \KV\KVV\KV\KVK\ dan \KVK\KV\KV\KVK\ telah dipilih dalam kajian ini. Konsonan dan vokal yang terkandung dalam struktur pola perkataan yang diuji melambangkan huruf bagi perkataan-perkataan yang menjadi instrumen kajian. Setiap pola diwakili oleh tiga perkataan menjadikan keseluruhan perkataan yang diuji adalah sebanyak 18 perkataan yang telah disusun secara rawak. Jadual 1 menunjukkan perkataan yang menjadi instrumen kajian berdasarkan pola perkataan yang telah dipilih.

Pemilihan perkataan bagi enam pola perkataan tersebut dibuat secara bertujuan berpandukan kesamaan templat morfologi dan jenis suku katanya dengan perkataan yang dianalisa oleh sarjana linguistik Arab dalam perbincangan tekanan perkataan (Anis, 1992; Qaddur, 1996; °Umar, 1997; Bishr, 2000; al-Khuli, 2000).

JADUAL 1. Instrumen kajian mengikut pola perkataan

Bil	Item Diuji	Pola Perkataan	Jenis Suku Kata
1	مُسْتَحَقٌّ		Sederhana tertutup + Pendek terbuka +
2	مُسْتَقَرٌّ	\KVK\KV\KVK\KVK\	Sederhana tertutup + Sederhana tertutup
3	مُسْتَحَبٌّ		
4	زِيَارَةٌ		
5	جَزِيرَةٌ	\KV\KVV\KV\KVK\	Pendek terbuka + Sederhana terbuka +
6	سُهُولَةٌ		Pendek terbuka + Sederhana tertutup
7	مَدْرَسَةٌ		
8	مَحْكَمَةٌ	\KVK\KV\KV\KVK\	Sederhana tertutup + Pendek terbuka +
9	مَكْتَبَةٌ		Pendek terbuka + Sederhana tertutup
10	انْكَسَرَ		
11	يَنْقَلِبُ	\KVK\KV\KV\KV\	Sederhana tertutup + Pendek terbuka +
12	أَنْهَدِمَ		Pendek terbuka + Pendek terbuka
13	عَلْمِيَّةٌ		
14	كَيْفِيَّةٌ	\KVK\KVV\KV\KVK\	Sederhana tertutup + Sederhana terbuka + Pendek terbuka + Sederhana tertutup
15	سَلْبِيَّةٌ		
16	نَسْتَعِينُ		
17	مُسْلِمُونَ	\KVK\KV\KVV\KV\	Sederhana tertutup + Pendek terbuka +
18	مُتَّقِينَ		Sederhana terbuka + Pendek terbuka

Rakaman dijalankan dalam bilik khas makmal bahasa bagi mengelakkan gangguan suara. Kadar durasi audio yang direkodkan adalah di antara 1 minit 43 saat hingga 2 minit 31 saat. Peserta kajian diminta untuk mengambil masa sekurang-kurangnya lima saat untuk menuturkan antara satu perkataan dengan perkataan yang berikutnya. Suara peserta kajian dirakam secara terus melalui perisian *Sound Recorder* dengan menggunakan mikrofon *Weile WL-100M* dalam format MP3. Seterusnya suara tersebut diubah ke format WAV dengan menggunakan perisian *Xilisoft Video Converter Ultimate 6*. Suara berkenaan kemudiannya, dianalisis dengan menggunakan perisian Praat (Boersma & Weenink, 2015), bagi membolehkan bacaan nilai intensiti(dB), frekuensi(Hz) dan durasi(s) diperolehi. Bacaan nilai intensiti(dB) tertinggi yang diperolehi pada suku kata dalam sesuatu perkataan, membolehkan tekanan utama dalam kalangan bukan penutur jati bahasa Arab yang dikaji diperolehi secara tepat. Analisis dibuat dengan melaporkan data kekerapan tekanan utama sesuatu suku kata untuk setiap pola perkataan yang dikaji dilaporkan dalam bentuk peratusan. Seterusnya dapatan tekanan utama yang diperolehi tersebut dibandingkan dengan aturan yang telah pilih berdasarkan pandangan yang dikemukakan oleh sarjana linguistik bahasa Arab.

ATURAN TEKANAN

Tekanan dalam bahasa Arab dipengaruhi oleh bentuk atau gabungan suku kata yang terbina dalam sesuatu perkataan. Terdapat lima jenis suku kata yang biasa digunakan dalam bahasa Arab sebagaimana berikut (Anis, 1992; Qaddur, 1996; Adil, 2004):

JADUAL 2. Jenis suku kata Arab

Bil	Simbol	Keterangan Simbol	Jenis Suku Kata	Contoh
1.	KV	Konsonan + Vokal	Pendek	بَ ، فَ
2.	KVV	Konsonan + Vokal + Vokal	Sederhana	بُو ، فِي
3.	KVK	Konsonan + Vokal + Konsonan	Sederhana	مِن ، لَمْ
4.	KVVK	Konsonan + Vokal + Vokal + Konsonan	Panjang	بَاب ، بَاع
5.	KVKK	Konsonan + Vokal + Konsonan + Konsonan	Panjang	عَبْد ، شَعْب

Daripada kelima-lima jenis suku kata ini, tiga jenis yang pertama merupakan bentuk suku kata yang sering digunakan dalam pertuturan Arab, berbanding jenis suku kata keempat dan kelima. Kedua-dua jenis suku kata ini tidak digunakan, melainkan di akhir perkataan dan ketika sebutan secara *waqaf* (Anis, 1992). Menurut Shawahinah (2007) dan Al-Rajeh (2011) terdapat suku kata keenam dalam bahasa Arab dari jenis suku kata panjang iaitu KVVKK, contohnya pada perkataan جَدَّ. Suku kata ini juga bersifat seperti suku kata jenis keempat dan kelima, namun suku kata jenis ini begitu sedikit kewujudannya berbanding suku kata panjang dari jenis keempat dan kelima.

Tekanan wujud dalam sebutan perkataan, rangkai kata dan juga ayat. Malah tekanan turut dikaji dalam aspek syair, dialek dan bacaan al-Quran. Menurut Umar (1997) dan Bishr (2000), terdapat tiga jenis tekanan iaitu tekanan utama atau paling kuat (*primary stress*), tekanan kedua atau sederhana (*secondary stress*) dan tekanan lemah (*weak stress*).

Anis (1992) menyatakan tiada penetapan tempat tekanan dalam kalangan penutur Arab zaman awal kemunculan Islam. Ini kerana tiada kajian dari kalangan sarjana silam yang membincangkan tentang aturan tekanan suara pada perkataan. Namun, berdasarkan penilaian beliau terhadap para *qurra'* atau pembaca al-Quran di Mesir pada zaman semasa, terdapat satu aturan yang boleh dijadikan panduan bagi mengetahui tempat tekanan utama (*primary stress*) dalam sesuatu perkataan, seperti berikut:

JADUAL 3. Penetapan kedudukan tekan utama dalam perkataan oleh Ibrahim Anis

Bil	Kedudukan Tekanan Utama	Keterangan	Contoh Perkataan
1.	Suku kata terakhir	Suku kata terakhir terdiri dari jenis ke-4 (KVVK) dan ke-5 (KVKK). Keadaan ini hanya berlaku dalam situasi sebutan secara <i>waqaf</i> sahaja.	نَسْتَعِينُ المُسْتَقَرُّ
2.	Suku kata kedua dari akhir	Suku kata terakhir terdiri dari jenis pertama (KV) ke-2 (KVV) dan ke-3 (KVK), dengan syarat suku kata kedua dari akhir tersebut bukan dari suku kata jenis pertama (KV) yang sebelumnya turut terdiri dari jenis suku kata sama (KV) juga.	اسْتَفْهَمَ يُنَادِي قَاتِلَ يَكْتَبُ
3.	Suku kata ketiga dari akhir	Suku kata kedua dari akhir terdiri dari suku kata jenis pertama (KV) yang sebelumnya turut terdiri dari jenis suku kata sama (KV) juga. Ia meliputi seluruh kata kerja lampau tiga huruf	كَتَبَ اجْتَمَعَ

	dan sebahagian kata kerja berimbuhan tiga huruf, kata dasar dan kata nama.	أَعْب عَب بَلْحَة حَرَكَة
4.	Suku kata keempat dari akhir	Tiga suku kata sebelum akhir terdiri dari suku kata jenis pertama (KV).

Menurut beliau, tekanan utama pada suku kata kedua dari akhir merupakan yang paling masyhur dan banyak digunakan dalam sebutan perkataan, manakala pada suku kata keempat dari akhir jarang digunakan Arab (Anis, 1992). Kaedah penetapan aturan tekanan utama yang terletak pada suku kata terakhir dan suku kata ketiga yang dibina oleh Ibrahim Anis turut dipersetujui oleh beberapa orang sarjana linguistik bahasa Arab yang lain seperti °Umar (1997), Qaddur (1996), Hasan (1986) dan Bishr (2000).

Namun demikian, Hasan (1986) dan °Umar (1997) mengemukakan panduan yang sedikit berbeza berhubung kaedah penetapan aturan tekanan utama pada suku kata kedua dari akhir yang terdiri dari suku kata pendek (KV). Menurut mereka, tekanan utama pada suku kata kedua terakhir hanya berlaku jika suku kata sesuatu perkataan itu berakhir dengan suku kata pendek (KV) atau sederhana (KVV dan KVK) yang sebelumnya didahului dengan suku kata sederhana (KVV dan KVK). Selain itu, tekanan utama pada suku kata kedua terakhir ini boleh juga berlaku pada suku kata pendek (KV) dengan syarat ia merupakan permulaan perkataan ataupun didahului oleh imbuhan awalan, seperti perkataan فَقَطُّ dan مُحْتَرَمٌ (tekanan utamanya masing-masing pada suku kata فَ dan ت). Maka jika suku kata kedua terakhir ini terdiri dari suku kata pendek (KV) yang bukan merupakan permulaan perkataan ataupun tidak didahului oleh imbuhan awalan, maka tekanan utamanya adalah pada suku kata ketiga dari akhir. Contohnya, pada perkataan قَاتِلٌ dan نَاصِرٌ, tekanan utamanya terletak pada suku kata قَا dan نَا.

Manakala menurut Qaddur (1996), bagi perkataan tiga suku kata yang tidak berakhir dengan suku kata jenis panjang; KVVK, KVKK dan KVVKK, tekanan utama terletak pada suku kata kedua terakhir, dengan syarat suku kata tersebut dari jenis suku kata sederhana (KVV atau KVK) sahaja. Jika suku kata kedua terakhir ini dari jenis suku kata pendek (KV), maka tekanan utama terletak pada suku kata pertama perkataan tersebut.

Mereka juga tidak membincangkan kedudukan tekanan utama yang terletak pada suku kata keempat dari akhir, sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibrahim Anis, kerana perkara tersebut mungkin jarang berlaku dalam sebutan perkataan Arab. Namun perbincangan berkaitan kedudukan tekanan utama yang melebihi dari suku kata ketiga dari akhir ini turut dipersetujui oleh Wright (1971) yang mengatakan bahawa tekanan utama boleh pergi lebih jauh dari suku kata ketiga dari akhir jika tiga suku kata terakhir tidak terdiri dari suku kata jenis sederhana (KVV dan KVK) dan panjang (KVVK, KVKK dan KVVKK). Seterusnya Jadual 4 memaparkan aturan tekanan utama yang telah dipilih sebagai panduan dalam membuat perbandingan dengan hasil tekanan utama yang diperlihatkan oleh peserta-peserta kajian terlibat, bagi keenam-enam pola perkataan yang diuji dalam kajian ini.

JADUAL 4. Aturan tekanan utama yang digunakan dalam kajian

Bil	Simbol Pola Suku Kata Perkataan	Kedudukan Tekan Utama	Pendapat
1.	\KVK\KV\KVK\KVK\	Suku kata ketiga	Anis (1992), °Umar (1997), Qaddur (1996), Hasan (1986)
2.	\KV\KVV\KV\KVK\	Suku kata kedua	°Umar (1997), Qaddur (1996), Hasan (1986), al-Khuli (2000)
3.	\KVK\KV\KV\KVK\	Suku kata kedua	Anis (1992), °Umar (1997), Qaddur (1996), Hasan (1986)

4.	\KVK\KV\KV\KV\	Suku kata kedua	Anis (1992), °Umar (1997), Bishr (2000), Qaddur (1996), Hasan (1986)
5.	\KVK\KV\KV\KV\	Suku kata kedua	°Umar (1997), Qaddur (1996), Hasan (1986), al-Khuli (2000)
6.	\KVK\KV\KV\KV\	Suku kata ketiga	Anis (1992), °Umar (1997), Qaddur (1996), Hasan (1986), al-Khuli (2000)

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian terhadap pola perkataan \KVK\KV\KV\KV\ yang dipaparkan dalam Jadual 5 mendapati tekanan utama ditunjukkan secara konsisten pada suku kata ketiga oleh PK1, PK2, PK3 dan PK4 pada ketiga-tiga perkataan, manakala PK5 pula hanya menunjukkan situasi berkenaan pada perkataan *mustaqarrun* sahaja. Pada perkataan *mustahaqqun* dan *mustahabbun* bagi pola ini, PK5 memperlihatkan tekanan utama perkataan pada suku kata terakhir perkataan. Tekanan utama pada suku kata ketiga bagi pola perkataan \KVK\KV\KV\KV\ yang dihasilkan adalah bertepatan dengan aturan yang dikemukakan oleh Anis (1992), °Umar (1997), Qaddur (1996) dan Hasan (1986).

JADUAL 5. Analisis tekanan pola perkataan \KVK\KV\KV\KV\

Bil	Perkataan	Peserta kajian	Suku Kata	Tekanan Utama			Tekanan Kedua			
				Intensiti (dB)	Frekuensi (Hz)	Durasi (s)	Suku Kata	Intensiti (dB)	Frekuensi (Hz)	Durasi (s)
1.	مُسْتَحَقٌّ	PK1	حَوْ	86.53	609.96	0.146	حَوْ	80.60	654.76	0.134
		PK2	حَوْ	79.18	654.76	0.147	حَوْ	76.56	117.21	0.375
		PK3	حَوْ	73.63	90.25	0.137	حَوْ	70.37	162.00	0.182
		PK4	حَوْ	82.73	984.67	0.192	حَوْ	77.18	645.25	0.172
		PK5	حَوْ	76.89	182.65	0.246	حَوْ	76.11	622.85	0.218
2.	مُسْتَقَرٌّ	PK1	قَرِّ	91.67	475.58	0.185	قَرِّ	90.20	565.17	0.146
		PK2	قَرِّ	79.42	609.96	0.147	قَرِّ	75.53	296.39	0.531
		PK3	قَرِّ	76.15	264.48	0.285	قَرِّ	71.22	206.80	0.237
		PK4	قَرِّ	88.00	622.85	0.175	قَرِّ	80.87	600.45	0.141
		PK5	قَرِّ	74.58	485.01	0.313	قَرِّ	73.26	417.81	0.339
3.	مُسْتَحَبٌّ	PK1	حَبِّ	88.80	654.76	0.298	حَبِّ	84.53	654.76	0.124
		PK2	حَبِّ	81.03	654.76	0.238	حَبِّ	75.34	117.21	0.339
		PK3	حَبِّ	72.39	72.41	0.224	حَبِّ	72.27	206.80	0.224
		PK4	حَبِّ	82.78	656.44	0.212	حَبِّ	76.87	641.79	0.157
		PK5	حَبِّ	77.11	193.83	0.291	حَبِّ	76.75	227.43	0.279

Dari aspek perkataan yang diuji pula, perkataan *mustaqarrun* mencatatkan 100% audio dan memperlihatkan tekanan utamanya pada suku kata ketiga. Bagi perkataan *mustahaqqun* dan *mustahabbun* pula, sebanyak 80% (empat audio) memperlihatkan situasi berkenaan. Manakala baki satu lagi audio (20%) bagi kedua-dua perkataan tersebut menunjukkan tekanan utamanya pada suku kata yang terakhir. Secara keseluruhannya, daripada 15 audio yang dianalisis bagi pola perkataan \KVK\KV\KV\KV\, peserta kajian cenderung memperlihatkan tekanan utama bertepatan dengan aturan yang dikemukakan oleh sarjana linguistik bahasa Arab. Dapatan menunjukkan 86.67% memperlihatkan situasi berkenaan, manakala baki dua lagi audio (13.33%) mendapati suku kata ketiga yang sepatutnya menjadi tekanan utama telah menjadi tekanan ketiga bagi pola perkataan ini.

Pola perkataan kedua yang diuji ialah \KV\KVV\KV\KVK\. Hasil analisis berdasarkan Jadual 6 mendapati empat peserta kajian yang konsisten memperlihatkan tekanan utama dalam pola perkataan sebelum ini, turut konsisten memperlihatkan tekanan utama bagi ketiga-tiga perkataan yang diuji bagi pola perkataan ini, iaitu pada suku kata yang kedua. Manakala PK5 hanya memperlihatkan situasi ini pada perkataan *suhulatun*, manakala pada perkataan *ziyaratun* dan *jaziratun*, tekanan utamanya pada suku kata ketiga.

JADUAL 6. Analisis tekanan pola perkataan \KV\KVV\KV\KVK\

Bil	Perkataan	Peserta kajian	Suku Kata	Tekanan Utama			Suku Kata	Tekanan Kedua		
				Intensiti (dB)	Frekuensi (Hz)	Durasi (s)		Intensiti (dB)	Frekuensi (Hz)	Durasi (s)
1.	زِيَارَةٌ	PK1	تَا	90.74	520.37	0.335	ر	87.70	430.78	0.165
		PK2	تَا	79.05	609.96	0.402	و	76.61	296.39	0.333
		PK3	تَا	80.01	520.37	0.302	ر	73.01	520.37	0.135
		PK4	تَا	88.94	622.85	0.453	ر	81.45	488.46	0.131
		PK5	ر	75.71	495.24	0.126	ز	71.56	187.28	0.237
2.	جَزِيرَةٌ	PK1	زِي	83.70	117.21	0.298	ر	82.46	430.78	0.143
		PK2	زِي	76.83	296.39	0.302	ر	75.38	609.96	0.160
		PK3	زِي	73.12	251.60	0.275	ر	72.33	430.78	0.133
		PK4	زِي	79.00	309.28	0.383	ج	77.54	533.26	0.291
		PK5	ر	79.18	461.77	0.123	ج	77.67	522.06	0.324
3.	سُهُولَةٌ	PK1	هُو	87.86	162.00	0.409	ل	83.63	520.37	0.138
		PK2	هُو	78.93	341.19	0.294	ل	77.84	475.58	0.173
		PK3	هُو	75.34	251.60	0.285	ل	74.69	520.37	0.174
		PK4	هُو	85.36	342.87	0.395	ل	79.28	589.25	0.144
		PK5	هُو	73.12	230.88	0.359	ل	71.42	244.23	0.117

Kedudukan tekanan utama pada suku kata kedua bagi pola perkataan \KV\KVV\KV\KVK\ dipersetujui oleh Umar (1997), Qaddur (1996), Hasan (1986) dan al-Khuli (2000), manakala kedudukan tekanan utama pada suku kata ketiga bagi perkataan berkenaan hanya dipersetujui oleh Anis (1992). Walau bagaimanapun, PK5 memperlihatkan tekanan yang bertepatan dengan aturan yang dikemukakan oleh Ibrahim Anis ini hanya pada dua perkataan sahaja pada pola perkataan ini, dan tidak konsisten terhadap ketiga-tiganya sekali. Pada suku kata kedua bagi perkataan *jaziratun*, PK5 memperlihatkan kedudukannya pada tekanan ketiga, manakala bagi perkataan *ziyaratun* kedudukannya pada tekanan lemah (*weak stress*).

Dari aspek perkataan pula, dapatan yang sama seperti pola perkataan pertama diperolehi bagi pola perkataan ini, di mana satu perkataan, iaitu *suhulatun*, menunjukkan 100% audionya memperlihatkan tekanan utama pada suku kata kedua. Bagi perkataan *ziyaratun* dan *jaziratun* pula, sebanyak 80% (empat audio) memperlihatkan situasi berkenaan manakala baki satu lagi audio (20%) bagi kedua-dua perkataan tersebut menunjukkan tekanan utamanya pada suku kata yang ketiga. Secara keseluruhannya bagi pola perkataan ini, peserta kajian cenderung memperlihatkan tekanan utama yang bertepatan dengan aturan yang dikemukakan oleh sarjana linguistik bahasa Arab iaitu pada suku kata keduanya. Sebanyak 86.67% (13 audio) menunjukkan situasi berkenaan. Baki dua lagi audio (13.33%) mendapati suku kata kedua yang sepatutnya menjadi tekanan utama telah diperlihatkan sebagai tekanan ketiga dan tekanan lemah bagi perkataan tersebut.

Seterusnya, analisis tekanan pada pola perkataan berikutnya ialah \KVK\KV\KV\KVK\. Analisis telah memperlihatkan situasi yang hampir sama dengan

analisis dua pola perkataan sebelum ini, di mana empat peserta kajian (PK1, PK2, PK4 dan PK5) menunjukkan tekanan utama yang konsisten pada suku kata yang kedua bagi ketiga-tiga perkataan pola ini. Perbezaannya pada kali ini PK3 tidak konsisten memperlihatkan tekanan utamanya sebagai mana dua pola perkataan sebelum ini, manakala PK5, yang tidak konsisten memperlihatkan tekanan utama dalam dua pola perkataan sebelum ini, menunjukkan hasil yang sebaliknya bagi pola perkataan ini sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 7. Kedudukan tekanan utama pada suku kata kedua bagi pola perkataan ini dipersetujui secara aturannya oleh Anis (1992), Umar (1997), Qaddur (1996) dan Hasan (1986). PK3 hanya konsisten memperlihatkan situasi berkenaan bagi perkataan *madrasatun*. Manakala bagi perkataan *mahkamatum* tekanan utamanya pada suku kata pertama perkataan. Kesilapan dari segi sebutan dilakukan oleh PK3 bagi perkataan *maktabatun* menyebabkan struktur suku katanya berubah kepada *maktabattun* dan analisis tidak dapat dijalankan terhadap item berkenaan.

JADUAL 7. Analisis tekanan pola perkataan \KVK\KV\KV\KVK\

Bil	Perkataan	Peserta kajian	Suku Kata	Tekanan Utama			Tekanan Kedua			
				Intensiti (dB)	Frekuensi (Hz)	Durasi (s)	Intensiti (dB)	Frekuensi (Hz)	Durasi (s)	
1.	مَدْرَسَةٌ	PK1	ن	91.90	572.32	0.228	ك	90.49	504.29	0.213
		PK2	ن	77.06	609.96	0.153	ك	75.90	547.63	0.164
		PK3	ن	75.18	521.54	0.188	ك	71.89	443.66	0.183
		PK4	ن	85.67	645.25	0.172	ك	81.92	132.24	0.436
		PK5	ن	76.50	485.01	0.146	ك	76.14	234.10	0.488
2.	مَحْكَمَةٌ	PK1	ك	88.87	531.65	0.137	م	86.31	149.93	0.171
		PK2	ك	79.48	666.61	0.178	م	76.32	178.34	0.348
		PK3	ك	74.40	206.80	0.217	م	72.38	206.80	0.188
		PK4	ك	79.89	611.65	0.157	م	77.92	619.40	0.169
		PK5	ك	77.53	566.85	0.162	م	76.94	104.24	0.335
3.	مَكْتَبَةٌ	PK1	ك	89.98	536.07	0.140	م	90.99	549.02	0.187
		PK2	ك	79.50	675.58	0.156	م	77.80	516.53	0.160
		PK3	-	-	-	-	-	-	-	-
		PK4	ك	81.29	613.94	0.177	م	79.63	617.90	0.146
		PK5	ك	76.62	589.25	0.173	م	74.58	473.81	0.143

Dari aspek perkataan pula, dapatan yang sama seperti dua pola perkataan sebelum ini diperolehi; hanya satu perkataan memperlihatkan tekanan utama audionya 100% pada suku kata yang kedua, bertepatan dengan aturan yang dikemukakan. Bagi perkataan *mahkamatum* dan *maktabatun* pula, hanya 80% audionya menunjukkan situasi yang demikian. Baki satu lagi audio bagi perkataan *mahkamatum* memperlihatkan tekanan utamanya pada suku kata yang pertama dan tiada tekanan utama diperolehi bagi perkataan *maktabatun* akibat kesilapan sebutan yang dilakukan oleh peserta kajian terlibat. Rumusan keseluruhan bagi pola perkataan ini mendapati peserta kajian cenderung memperlihatkan tekanan utama yang bertepatan dengan aturan yang dikemukakan. Sebanyak 13 audio (86.67%) memperlihatkan tekanan utamanya pada suku kata kedua perkataan. 6.67% (1 audio) telah memperlihatkan suku kata ketiga (yang sepatutnya menjadi tekanan utama) menjadi tekanan ketiga, manakala baki satu lagi audio tidak dapat dianalisis.

Seterusnya dapatan yang sedikit berbeza diperolehi hasil analisis terhadap pola perkataan \KVK\KV\KV\KVK\ sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 8. Hasil dapatan mendapati hanya dua peserta kajian iaitu PK1 dan PK4 yang masih memperlihatkan secara

konsisten tekanan utama pada suku kata kedua bagi kesemua perkataan dalam pola perkataan ini. Hasil dapatan juga turut mendapati baki tiga lagi peserta kajian turut menunjukkan tekanan utama yang sama bagi perkataan *yanqalibu*, malah PK2 dan PK3 turut memperlihatkan situasi yang sama pada satu lagi perkataan, masing-masing pada perkataan *inkasara* dan *inhadama*. Kedudukan tekanan utama pada suku kata kedua bagi pola perkataan ini adalah bertepatan dengan aturan yang dikemukakan oleh Anis (1992), Umar (1997), Bishr (2000), Qaddur (1996) dan Hasan (1986).

JADUAL 8. Analisis tekanan pola perkataan \KVK\KV\KV\KV\

Bil	Perkataan	Peserta kajian	Suku Kata	Tekanan Utama			Suku Kata	Tekanan Kedua		
				Intensiti (dB)	Frekuensi (Hz)	Durasi (s)		Intensiti (dB)	Frekuensi (Hz)	Durasi (s)
1.	أَنْكَسَرَ	PK1	ك	89.38	475.58	0.175	ك	86.14	520.37	0.206
		PK2	س	78.68	609.96	0.233	س	77.36	654.76	0.146
		PK3	ك	71.16	67.66	0.121	ك	70.04	206.80	0.309
		PK4	ك	80.94	634.05	0.200	س	78.79	544.45	0.243
		PK5	س	76.64	589.25	0.235	ك	76.32	219.68	0.291
2.	يَنْقَلِبُ	PK1	ب	92.07	475.58	0.138	ب	83.63	251.60	0.201
		PK2	ب	78.99	609.96	0.186	ب	76.72	296.39	0.151
		PK3	ب	79.11	520.37	0.145	ب	75.19	251.60	0.113
		PK4	ب	87.07	611.65	0.216	ب	82.81	163.69	0.477
		PK5	ب	76.42	473.81	0.155	ب	76.09	227.43	0.379
3.	أَنْهَدَمَ	PK1	هـ	90.79	520.37	0.272	هـ	88.05	565.17	0.165
		PK2	هـ	80.71	609.96	0.194	هـ	78.06	520.37	0.156
		PK3	هـ	74.75	520.37	0.167	هـ	74.54	744.35	0.193
		PK4	هـ	88.07	654.44	0.268	هـ	84.61	544.45	0.178
		PK5	ن	73.72	216.23	0.266	ن	72.95	589.25	0.155

PK2 dan PK3 masing-masing memperlihatkan situasi yang berbeza dengan aturan yang dikemukakan pada satu perkataan, manakala PK5 pada dua perkataan. PK2 dan PK5 memperlihatkan tekanan utama bagi perkataan *inkasara* dan PK3 bagi perkataan *inhadama* pada suku kata ketiga. Perkataan *inhadama* yang dituturkan oleh PK5 memperlihatkan tekanan utamanya pada suku katanya yang pertama. Oleh itu PK5 dilihat menunjukkan hasil tekanan utama yang saling berbeza bagi ketiga-tiga perkataan yang diuji dalam pola perkataan ini.

Analisis terhadap aspek perkataan mendapati 100% audio yang diperolehi bagi perkataan *yanqalibu* memperlihatkan tekanan utamanya pada suku kata kedua perkataan, manakala bagi perkataan *inkasara* dan *inhadama* masing-masing hanya 60% (tiga audio) menunjukkan situasi yang sama. Baki dua audio bagi perkataan *inkasara* memperlihatkan tekanan utamanya pada suku kata yang ketiga, manakala dua lagi audio bagi perkataan *inhadama* memperlihatkan pada suku kata kedua dan terakhir. Secara keseluruhannya peserta kajian cenderung memperlihatkan tekanan utama pada suku kata kedua perkataan, bertepatan dengan aturan yang dikemukakan. Sebanyak 11 audio (73.33%) menunjukkan situasi yang demikian. Suku kata kedua yang sewajarnya menjadi tekanan utama bagi pola perkataan ini telah beralih menjadi tekanan kedua (*secondary stress*) pada baki dua audio (13.33%), tekanan ketiga pada satu audio (6.67%) dan tekanan lemah juga pada satu audio (6.67%).

Hasil dapatan yang sangat berbeza diperolehi hasil analisis terhadap pola perkataan \KVK\KV\KV\KV\ jika dibandingkan dengan analisis-*analisis* sebelumnya. Berdasarkan

Jadual 9, hanya PK4 konsisten mengekalkan tekanan utama pada suku kata ketiga bagi semua perkataan dalam pola perkataan berkenaan. PK1 memperlihatkan tekanan utama pada suku kata kedua bagi perkataan *kaifiyyatun* dan *salbiyyatun* dan pada suku kata ketiga bagi perkataan *‘ilmiyyatun*. PK5 pula memperlihatkannya pada suku kata kedua bagi perkataan *‘ilmiyyatun* dan *kaifiyyatun*, dan pada suku kata ketiga bagi perkataan *salbiyyatun*. Manakala PK2 memperlihatkannya pada suku kata keempat bagi perkataan *‘ilmiyyatun* dan *salbiyyatun*, dan pada suku kata ketiga bagi perkataan *kaifiyyatun*. PK3 pula memperlihatkannya pada suku kata pertama bagi perkataan *‘ilmiyyatun* dan *salbiyyatun*, dan pada suku kata yang kedua bagi perkataan *kaifiyyatun*.

JADUAL 9. Analisis tekanan pola perkataan \KVK\KVV\KV\KVK\

Bil	Perkataan	Peserta kajian	Suku Kata	Tekanan Utama			Tekanan Kedua			
				Intensiti (dB)	Frekuensi (Hz)	Durasi (s)	Suku Kata	Intensiti (dB)	Frekuensi (Hz)	Durasi (s)
1.	عِلْمِيَّة	PK1	وَي	86.26	475.58	0.177	وَي	83.57	162.00	0.335
		PK2	وَي	76.60	296.39	0.350	وَي	76.12	475.58	0.190
		PK3	وَي	75.11	206.80	0.246	وَي	70.96	162.00	0.222
		PK4	وَي	81.63	488.46	0.168	وَي	80.10	163.69	0.395
		PK5	وَي	72.93	230.88	0.494	وَي	72.45	208.49	0.263
2.	كَيْفِيَّة	PK1	وَي	84.42	162.00	0.260	وَي	81.88	430.78	0.168
		PK2	وَي	74.89	430.78	0.178	وَي	74.45	251.60	0.371
		PK3	وَي	73.35	251.60	0.160	وَي	71.65	475.58	0.134
		PK4	وَي	79.93	466.06	0.134	وَي	78.42	264.48	0.343
		PK5	وَي	89.43	51.70	0.325	وَي	76.29	219.68	0.279
3.	سَلْبِيَّة	PK1	وَي	84.76	162.00	0.394	وَي	83.75	430.78	0.149
		PK2	وَي	74.76	296.39	0.190	وَي	73.64	430.78	0.212
		PK3	وَي	74.04	206.80	0.401	وَي	73.11	251.6	0.203
		PK4	وَي	79.18	546.60	0.192	وَي	78.84	555.65	0.436
		PK5	وَي	76.03	490.61	0.126	وَي	73.91	216.23	0.278

Walaupun kedudukan tekanan utama pada suku kata ketiga ditunjukkan secara konsisten oleh PK4 bertepatan dengan aturan yang dikemukakan oleh Anis (1992), para sarjana linguistik bahasa Arab yang lain tidak bersetuju dengan aturan berkenaan. Menurut ‘Umar (1997), Qaddur (1996), Hasan (1986) dan al-Khuli (2000), tekanan utama bagi perkataan-perkataan yang mempunyai pola sebegini sepatutnya pada suku kata kedua. Namun tiada peserta kajian yang dapat memperlihatkan tekanan yang konsisten bagi ketiga-tiga perkataan dalam pola perkataan ini, bertepatan dengan aturan tersebut. PK1 dan PK5 memperlihatkan tekanan utama yang bertepatan dengan aturan ini pada dua perkataan sahaja, iaitu pada perkataan *kaifiyyatun*. Pada satu lagi perkataan, PK1 memperlihatkan tekanan utama yang bertepatan dengan aturan pada perkataan *salbiyyatun* manakala PK5 pada perkataan *‘ilmiyyatun*. PK3 pula hanya mengikut aturan tekanan utama ini pada satu perkataan, iaitu pada perkataan *kaifiyyatun*.

Dari aspek perkataan pula, tiada perkataan yang memperlihatkan tekanan utama yang sama oleh kesemua peserta kajian. Bagi perkataan *‘ilmiyyatun* dan *salbiyyatun*, dua audionya (40%) memperlihatkan tekanan utama pada suku kata ketiga, dan masing-masing satu audio pada suku katanya yang pertama, kedua dan terakhir. Bagi perkataan *kaifiyyatun* pula, tiga audionya (60%) memperlihatkan tekanan utamanya pada suku kata kedua perkataan, dan dua lagi audio (40%) pada suku kata yang ketiga. Secara keseluruhannya, tiada kecenderungan yang jelas diperlihatkan oleh peserta kajian bagi pola perkataan ini. Hal ini kerana, sebanyak

40% (enam audio) memperlihatkan tekanan utama pada suku kata yang ketiga dan 33.33% (lima audio) lagi pada suku kata kedua perkataan. Sementara itu, untuk empat audio lagi (26.67%); dua audio memperlihatkan tekanan utama pada suku kata pertama dan dua lagi audio pada suku kata terakhir perkataan.

Pola perkataan yang terakhir yang diuji dalam kajian ini ialah \KVK\KV\KVV\KV\K. Berdasarkan Jadual 10, hasil analisis menunjukkan tiada peserta kajian yang konsisten memperlihatkan tekanan utama yang sama bagi ketiga-tiga perkataan yang diuji dalam pola perkataan ini. PK3 dan PK4 memperlihatkan tekanan utama pada suku kata pertama bagi perkataan *nasta^cinu* dan *muslimuna*, dan pada suku kata ketiga bagi perkataan *muttaqina*. PK1 dan PK2 pula memperlihatkan tekanan utama bagi perkataan *nasta^cinu* pada suku kata yang kedua, dan bagi perkataan *muslimuna* dan *muttaqina* pula PK1 memperlihatkan pada suku kata ketiga dan PK3 pula pada suku kata terakhir. PK5 pula memperlihatkan tekanan utama saling berbeza pada ketiga-tiga perkataan tersebut; *nasta^cinu* pada suku kata ketiga, *muslimuna* pada suku kata terakhir dan *muttaqina* pada suku katanya yang kedua.

JADUAL 10. Analisis tekanan pola perkataan \KVK\KV\KVV\KV\K

Bil	Perkataan	Peserta kajian	Suku Kata	Tekanan Utama			Suku Kata	Tekanan Kedua		
				Intensiti (dB)	Frekuensi (Hz)	Durasi (s)		Intensiti (dB)	Frekuensi (Hz)	Durasi (s)
1.	نَسْتَعِينُ	PK1	ت	81.38	609.96	0.198	ي	76.61	149.30	0.347
		PK2	ت	75.10	789.15	0.206	ي	74.86	189.06	0.412
		PK3	تَس	71.17	123.65	0.248	ت	70.89	111.74	0.208
		PK4	تَس	77.18	141.29	0.317	ي	75.75	141.29	0.437
		PK5	ي	76.18	230.88	0.402	ت	75.82	533.26	0.296
2.	مُسْلِمُونَ	PK1	م	86.30	162.00	0.337	ب	79.96	206.80	0.295
		PK2	ن	76.88	654.76	0.320	م	74.30	296.39	0.444
		PK3	مُس	71.57	72.41	0.229	م	71.24	268.05	0.235
		PK4	مُس	78.32	152.49	0.343	م	77.11	174.89	0.383
		PK5	ن	74.65	188.24	0.268	ب	73.35	208.49	0.179
3.	مُتَّقِينَ	PK1	تَقِي	87.48	162.00	0.327	ت	86.65	565.17	0.217
		PK2	ن	78.34	654.76	0.363	ي	74.39	341.19	0.380
		PK3	يَقِي	73.77	251.60	0.275	ت	71.41	251.60	0.140
		PK4	يَقِي	80.67	152.49	0.402	ت	78.76	611.65	0.172
		PK5	ت	73.04	522.06	0.146	ي	72.25	238.63	0.374

Berdasarkan aturan yang dikemukakan oleh Anis (1992), °Umar (1997), Qaddur (1996), Hasan (1986) dan al-Khuli (2000), tekanan utama bagi pola perkataan sebegini pada suku kata yang ketiga. Namun demikian, tiada peserta kajian yang dapat memperlihatkan secara konsisten pada ketiga-tiga perkataan yang diuji. PK1 memperlihatkan situasi tersebut pada dua perkataan (*muslimuna* dan *muttaqina*), manakala PK3, PK4 dan PK5 masing-masing hanya pada satu perkataan sahaja. PK2 pula tidak memperlihatkan situasi berkenaan pada ketiga-tiga perkataan tersebut.

Analisis berdasarkan perkataan juga mendapati tiada perkataan yang memperlihatkan tekanan utama yang sama oleh kesemua peserta kajian. Perkataan *muttaqina* merekodkan tekanan utama tertinggi bertepatan dengan aturan yang dikemukakan iaitu pada suku kata ketiga melalui tiga audionya (60%), dan baki dua lagi audionya masing-masing satu pada suku kata kedua dan terakhir. Bagi perkataan *nasta^cinu* dan *muslimuna* pula, masing-masing memperlihatkan tekanan utama pada suku kata ketiga hanya melalui satu audionya (20%). Dua audio (40%) lagi bagi perkataan *nasta^cinu* dan *muslimuna* memperlihatkan tekanan

utama pada suku katanya yang pertama, manakala baki dua audio (40%) bagi perkataan *nasta^cinu* memperlihatkan pada suku kata kedua dan perkataan *muslimuna* pula pada suku kata terakhir. Rumusan keseluruhan bagi pola perkataan ini mendapati tiada kecenderungan tekanan utama yang jelas diperlihatkan oleh peserta kajian. Sebanyak 33.33% (lima audio) memperlihatkan pada suku kata ketiga bertepatan dengan aturan yang dikemukakan. Ini diikuti dengan 26.67% (empat audio) pada suku kata pertama dan masing-masing 20% (tiga audio) pada suku kata yang kedua dan terakhir. Lapan audio (53.33%) memperlihatkan suku kata ketiga yang sepatutnya menjadi tekanan utama telah menjadi tekanan kedua, dan baki dua audio (13.33%) lagi telah menjadi tekanan ketiga bagi pola perkataan ini.

PERBINCANGAN

Kajian ini menganalisis sejauh mana tekanan utama setiap pola perkataan yang diperolehi bertepatan dengan aturan-aturan yang dikemukakan oleh sarjana linguistik bahasa Arab. Berdasarkan Jadual 11, analisis terhadap enam pola perkataan tersebut mendapati PK1 dan PK4 berjaya memperlihatkan tekanan utama perkataan secara konsisten bertepatan dengan aturan yang dikemukakan sarjana linguistik bahasa Arab yang digunakan dalam kajian ini pada empat daripada enam pola perkataan yang diuji, diikuti PK2 dengan tiga pola perkataan. PK3 dan PK5 masing-masing hanya memperlihatkan pada dua dan satu pola perkataan sahaja.

Jadual 11 juga menunjukkan, daripada keseluruhan 18 perkataan yang dianalisis berdasarkan enam pola perkataan yang dikaji, PK1 berjaya memperlihatkan hasil tekanan utama yang bertepatan dengan aturan yang dikemukakan oleh sarjana linguistik bahasa Arab dengan kadar tertinggi, iaitu pada 16 perkataan atau bersamaan 88.89%. Suku kata yang sepatutnya menjadi tekanan utama berdasarkan aturan pada baki dua lagi perkataan telah beralih kedudukannya ke posisi tekanan kedua (*secondary stress*). Ini diikuti PK4 yang memperlihatkan pada 13 perkataan (72.22%). Baki lima lagi perkataan, PK4 memperlihatkan suku kata yang sewajarnya menjadi tekanan utama perkataan berkenaan telah berubah menjadi tekanan kedua pada tiga perkataan dan tekanan ketiga pada dua lagi perkataan berbaki. PK2 dan PK3 masing-masing dengan 11 (61.11%) perkataan yang dituturkan memperlihatkan tekanan utama yang bertepatan dengan aturan yang telah dikemukakan. Sebanyak empat perkataan yang dituturkan oleh PK2 dan tiga perkataan yang dituturkan oleh PK3, suku kata yang sepatutnya menjadi tekanan utama telah beralih menjadi tekanan kedua manakala dua perkataan telah beralih kedudukannya menjadi tekanan ketiga, dan satu perkataan telah beralih ke kedudukan tekanan lemah (*weak stress*). Hanya sembilan perkataan (50%) perkataan yang dituturkan oleh PK5 memperlihatkan hasil tekanan utamanya bertepatan dengan aturan yang dikemukakan. Baki sembilan lagi perkataan, PK5 memperlihatkan suku kata yang sewajarnya menjadi tekanan utama perkataan berkenaan telah berubah menjadi tekanan kedua pada dua perkataan, tekanan ketiga pada lima perkataan dan tekanan lemah pada dua lagi perkataan berbaki.

JADUAL 11. Perbandingan hasil tekanan utama peserta kajian berdasarkan aturan

Bil	Pola Perkataan	Perkataan	Tekanan Utama (Aturan)	Peserta Kajian				
				PK1	PK2	PK3	PK4	PK5

1		مُسْتَحَقَّ	حَقَّ	✓	✓	✓	✓	
2	\KVK\KV\KVK\KVK\	مُسْتَقَرَّ	قَرَّ	✓	✓	✓	✓	✓
3		مُسْتَحَبَّ	حَبَّ	✓	✓	✓	✓	
4		زِيَارَةَ	يَا	✓	✓	✓	✓	
5	\KV\KVV\KV\KVK\	جَزِيرَةَ	زِي	✓	✓	✓	✓	
6		سُهُولَةَ	هُو	✓	✓	✓	✓	✓
7		مَدْرَسَةَ	رَ	✓	✓	✓	✓	✓
8	\KVK\KV\KV\KVK\	مَحْكَمَةَ	كَّ	✓	✓		✓	✓
9		مَكْتَبَةَ	تَ	✓	✓		✓	✓
10		انْكَسَرَ	كَّ	✓		✓	✓	
11	\KVK\KV\KV\KV\	يَنْقَلَبُ	قَ	✓	✓	✓	✓	✓
12		انْهَدَمَ	هَ	✓	✓		✓	
13		عِلْمِيَّةَ	مِي					✓
14	\KVK\KVV\KV\KVK\	كَيْفِيَّةَ	فِي	✓		✓		✓
15		سَلْبِيَّةَ	بِي	✓				
16		نَسْتَعِينُ	عِي					✓
17	\KVK\KV\KVV\KV\	مُسْلِمُونَ	مُو	✓				
18		مُنْقِيَنَ	قِي	✓		✓	✓	
Jumlah Tekanan Utama Bertepatan Dengan Aturan				16/18 88.89%	11/18 61.11%	11/18 61.11%	13/18 72.22%	9/18 50%

Dapatan juga menunjukkan tiada pola perkataan yang berjaya memperlihatkan tekanan utama yang sama secara konsisten oleh kelima-lima peserta kajian. Seramai empat orang peserta kajian konsisten memperlihatkan tekanan utama bertepatan dengan aturan yang dikemukakan para sarjana linguistik bahasa Arab pada tiga pola perkataan, iaitu \KVK\KV\KVK\KVK\, \KV\KVV\KV\KVK\ dan \KVK\KV\KV\KVK\, diikuti pola perkataan \KVK\KV\KV\KV\ dengan dua peserta kajian. Tiada peserta kajian yang terlibat dapat memperlihatkan tekanan utama secara konsisten yang bertepatan dengan aturan yang dikemukakan pada baki dua lagi pola perkataan, iaitu \KVK\KV\KVV\KV\ dan \KVK\KV\KVV\KVK\). Tekanan utama bagi pola perkataan KVK\KV\KVK\KVK\ dan \KV\KVV\KV\KVK\ diperlihatkan secara konsisten oleh PK1, PK2, PK3 dan PK4. Aturan yang dikemukakan oleh para sarjana linguistik bahasa Arab dalam kajian ini turut bertepatan dengan hasil tekanan utama yang ditunjukkan secara konsisten pada suku kata kedua oleh PK1, PK2, PK4 dan PK5 pada pola perkataan \KVK\KV\KV\KVK\ dan oleh PK1 dan PK4 bagi pola perkataan \KVK\KV\KV\KV\). Seterusnya hasil tekanan utama yang ditunjukkan oleh PK4 bagi pola perkataan \KVK\KVV\KV\KVK\ secara konsisten pada suku kata ketiganya adalah bertepatan dengan aturan yang dikemukakan oleh Anis (1992). Namun dapatan ini bertentangan dengan aturan yang dipilih dalam kajian ini yang menetapkan kedudukan tekanan utama bagi pola perkataan sebegini pada suku kata kedua.

Dari aspek perkataan pula, kesemua peserta kajian berjaya menunjukkan hasil tekanan utama yang sama dan bertepatan dengan aturan yang dikemukakan pada empat dari keseluruhan 18 perkataan yang telah diuji. Dua perkataan bagi pola perkataan \KV\KVV\KV\KVK\ iaitu *suhulatun* dan *madrasatun*, dan masing-masing satu perkataan bagi pola perkataan \KVK\KV\KVK\KVK\ dan \KVK\KV\KV\KV\ iaitu *mustqarrun* dan

yanqalibu. Bagi perkataan *mustahaqqun*, *mustahabbun*, *ziyaratun*, *jaziratun*, *mahkamatun* dan *maktabatun* pula, empat orang peserta kajian berjaya memperlihatkan tekanan utama yang bertepatan dengan aturan yang dikemukakan bagi perkataan-perkataan tersebut dan ini diikuti oleh tiga orang peserta kajian pada empat lagi perkataan iaitu *inkasara*, *inhadama*, *kaifiyyatun* dan *muttaqin*. Sekurang-kurangnya terdapat seorang peserta kajian yang memperlihatkan tekanan utama bertepatan dengan aturan yang dikemukakan pada baki empat lagi perkataan.

Kajian ini juga dapat merumuskan tahap kesukaran penguasaan tekanan utama yang diperlihatkan oleh peserta kajian bagi pola-pola perkataan yang dikaji berdasarkan aturan yang dikemukakan oleh sarjana linguistik bahasa Arab yang dipilih. Dalam membuat perbandingan ini, pengkaji mengklasifikasikan tahap kesukaran penguasaan tekanan utama yang bertepatan dengan aturan yang dikemukakan kepada tiga tahap. Hasil analisis audio bagi setiap pola perkataan yang memperlihatkan 70% hingga 100% tekanan utamanya bertepatan dengan aturan yang dikemukakan diklasifikasikan sebagai mudah, 40% hingga 69% diklasifikasikan sebagai sederhana, manakala 0% hingga 39% diklasifikasikan sebagai sukar dikuasai. Dapatan menunjukkan peserta kajian mudah menguasai empat daripada enam pola perkataan yang dikaji. Dari 15 audio yang dianalisis bagi setiap pola perkataan, kajian mendapati 13 audio (86.67%) bagi setiap pola perkataan \KVK\KV\KVK\KVK\, \KV\KVV\KV\KVK\ dan \KVK\KV\KV\KVK\ memperlihatkan tekanan utama bertepatan dengan aturan yang dikemukakan. Bagi pola perkataan \KVK\KV\KV\KV\ sebanyak 11 audio (73.33%) memperlihatkan situasi yang sedemikian manakala bagi baki dua lagi pola perkataan, iaitu \KVK\KVV\KV\KVK\ dan \KVK\KV\KVV\KV\ peserta kajian dilihat sukar untuk menguasai tekanan utama kedua-dua pola perkataan, di mana hanya lima audionya (33.33%) memperlihatkan tekanan utama bertepatan dengan aturan yang dipilih. Perbezaan aturan yang dikemukakan dalam kalangan sarjana linguistik bahasa Arab bagi pola perkataan \KVK\KVV\KV\KVK\ dipercayai menjadi faktor dapatan ini terhasil. Hasil analisis menunjukkan lima audio (33.33%) memperlihatkan tekanan utama pada suku kata kedua dan enam audio (40%) pada suku katanya yang ketiga. Keadaan membuktikan terdapat sesuatu pola perkataan yang sememangnya mempunyai tekanan utama yang berbeza seperti yang dibincangkan aturannya oleh para sarjana linguistik bahasa Arab silam sebelum kajian analisis digital dijalankan lagi. Perbezaan tekanan utama bagi sesuatu pola perkataan Arab turut berlaku dalam kalangan bangsa Arab, disebabkan faktor geografi dan juga dialek yang saling berbeza (cUmar, 1997).

Faktor bahasa ibunda turut dipercayai mempengaruhi hasil dapatan yang diperoleh. Ini dikukuhkan melalui dapatan kajian Kamarulzaman dan Nik Mohd Rahimi (2000) yang mendapati sebutan bagi penutur bahasa Melayu memberi gangguan kepadanya dalam penguasaan sebutan bahasa Arab dan kemahiran membaca al-Quran dengan baik. Terdapat beberapa perbezaan dari sudut penggunaan organ sebutan dan juga dari jenis konsonan, vokal dan suku kata yang diguna pakai oleh kedua-dua bahasa. Bahasa Melayu tidak menggunakan organ sebutan rongga rekung (*halkum*) dan anak tekak sebagai mana yang digunakan oleh bahasa Arab bagi menuturkan bunyi bagi huruf ق, غ, خ, ح dan ع. Bagi bunyi konsonan pula, kedua-dua bahasa mempunyai persamaan dari aspek bersuara, tidak bersuara, letupan, geseran, letusan, sisian, getaran, sengauan dan diftong. Perbezaannya pula ialah bunyi perengkungan (*tafkhim*) yang hanya ada dalam bahasa Arab, sebaliknya tidak ada dalam bahasa Melayu. Hasilnya terdapat 14 konsonan yang sama bunyinya antara kedua-dua bahasa ini manakala terdapat masing-masing enam konsonan bagi bahasa Melayu dan 15 konsonan bagi bahasa Arab yang tidak memiliki cara sebutan yang sama. Bagi huruf vokal pula, hanya terdapat dua vokal yang sama antara kedua-dua bahasa, berbanding perbezaannya di mana terdapat empat vokal tersendiri bagi bahasa Melayu dan enam vokal tersendiri bagi bahasa Arab. Dari aspek suku kata, bahasa Melayu tidak mempunyai struktur suku kata

- °Abd al-Tawwab, Ramadan. (1997). *al-Tatawwur al-Lughawi Mazahiruh wa °Ilaluh wa Qawaninuh*. Kaherah: Maktabah al-Khanaji.
- Al-Rajeh, Nabil. (2011). Digital processing of stress in Standard Arabic. *Journal of King Saud University – Languages and Translation*. Vol. 23, 65-68.
- Adam, Muhammad Kabir. (2013). *Dirasat Nazariyyat Tatbiqiyat li Zahirat al-Nabr fi al-Qira'ah al-Quraniyyah al-Mujawwadah*. Tesis Ph.D, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.
- °Adil al-Shaikh °Abd Allah. (2004). *Muqaddimah fi °Ilm al-Aswat*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Anis, Ibrahim. (1992). *al-Aswat al-Lughawiyyah*. Kaherah: Maktabah al-Nahdah.
- Bishr, Kamal. (2000). *°Ilm al-Aswat*. Kaherah: Dar Gharib.
- Boersma, P. & Weenink, D. (2015). *Praat: Doing Phonetics by Computer* [Software]. Diakses pada Mac 22, 2015 dari <http://www.praat.org>
- de Jong, K. & Zawaydeh, B.A. (1999) Duration, and intonation in Arabic word-level prosody. *Journal of Phonetics*. Vol. 27, 3-22.
- de Jong, K. & Zawaydeh, B.A. (2002) Comparing stress, lexical focus, and segmental focus: patterns of variation in Arabic vowel duration. *Journal of Phonetics*. Vol. 30, 53-75.
- Fleisch, H. (1996). *al-°Arabiyyah al-Fusha: . Nahw Bina'i Lughawiyy Jadid*, terjemahan Abd Sobur Syahin. Beirut: Dar al-Masyriq
- Gordon, M. & Nafi, Latifa. (2012). Acoustic Correlates of Stress and Pitch in Tashlhyt Berber. *Journal of Phonetics*. Vol. 40, 706-724.
- Kamarulzaman Abd. Ghani & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2000). Pengaruh bahasa Melayu ke atas penguasaan sebutan bahasa Arab dan kemahiran tilawah al-Quran. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (SARI)*. Vol. 18, 67-79.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). 1996. *Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Islam KPM.
- al-Khalifi, °Abd al-Rahim. (1999). *al-Mustalah al-Sawty fi Kitab Ibn Jinni*. Rabat: Jami'ah Muhammad al-Khamis.
- al-Khuli, Muhammad °Ali. (2000). *Madkhal ila °Ilm al-Lughah*. Amman: Dar al-Falah
- Lui, C., Jin, S.H. & Chen, C.T. (2014). Durations of American English vowels by native and non-native speakers: Acoustic analyses and perceptual effects. *Language and Speech Journal*. Vol. 57(2), 238-253.
- Nazratul Aini Ramli, Che Radiah Mezah & Yap Ngee Thai. (2016). Penguasaan pelajar Melayu terhadap tekanan suara menyebut perkataan Arab dari sudut intensiti. *Jurnal Kemanusiaan*. Vol. 25, 110-123.
- Nur al-Din, °Isam. (1992). *°Ilm Wazaif al-Aswat al-Lughawiyyat: al-Funulujyya*. Beirut: Dar al-Fikr al-Lubnani.
- Qaddur, Ahmad Muhammad. (1996). *Mabadi' al-Lisaniyyat*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Roshidah Hassan. (2015). Analisis penggunaan bunyi vokal bahasa Perancis oleh pelajar Melayu. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 15(3), 99-120.
- Suomi, K. & Ylitalo, R. (2004). On Durational Correlates of Word Stress in Finnish. *Journal of Phonetics*. Vol. 32, 35-63
- Tamam, Hasan. (1986). *Manahij al-Bahth fi al-Lughah*. Casablanca: Dar al-Thaqafah.
- °Umar, Ahmad Mukhtar. (1997). *Dirasat al-Sawt al-Lughawyy*. Kaherah: °Alam al-Kutub.
- Wright, W. (1971). *A Grammar of the Arabic Language*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Zawawi Ismail. (2007). Penilaian Kurikulum Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Komunikasi Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.

PENULIS

Kaseh Abu Bakar (PhD UIAM; MEd. Pittsburgh; B.A. Muhammad al-Khamis) ialah Professor Madya di Pusat Rantau Timur Tengah dan Nusantara, Fakulti Pengajian Islam dalam bidang linguistik dan linguistik terapan bahasa Arab. Kepakaran beliau ialah dalam pembinaan dan kajian psikometrik ujian bahasa dan instrumen soal selidik menggunakan Rasch Model.

Muhammad Faiz Abdullah (B.A. al-Azhar; Sarjana Pengajian Islam, UKM) ialah Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia yang sedang berkhidmat di SK Tualang Sekah Malim Nawar, Perak. Peengkhususan beliau ialah dalam bidang linguistik Arab.